

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1997/98**

**Februari 1998**

**HGM 232 Geografi Ekonomi Dan Pembangunan**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. Pembangunan ekonomi dicapai melalui pelbagai proses pada tiga skala geografi. Jelaskan pernyataan ini dan ringkaskan dalam bentuk satu rajah.
2. Bincangkan peralihan ekonomi Malaysia dalam tempoh 1990-1997. Sokong hujah-hujah anda dengan fakta dan contoh yang sesuai.
3. Dekad 1990an membuktikan peralihan perdagangan antarabangsa di dunia. Bincangkan perubahan-perubahan utama.
4. Jelaskan takrifan korporat transnasional. Bincangkan bagaimana korporat transnasional mengukuhkan peranan melalui pelaburan terus asing.
5. Persetujuan Am Tarif dan Perdagangan (General Agreement on Tariffs and Trade-GATT) dan Organisasi Dagangan Dunia (World Trade Organisation) menyediakan rangka institusi dan dasar perdagangan. Bincangkan keberkesanan organisasi tersebut.
6. Jelaskan objektif dan peranan yang dimainkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.
7. Bincangkan sejauhmana boleh dibahaskan bahawa globalisasi dan liberalisasi membuka peluang jangka panjang kepada negara kurang maju untuk menyekat kemerosotan ekonomi.

- oooOOooo -



19  
9 18  
PNEK

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

**HGM 233 Geografi Bandar dan Metropolitan**

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGILAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja. **DUA** [2] soalan dari setiap bahagian

**BAHAGIAN A**

1. Setiap dekad berlalu Asia merupakan kawasan di mana terdapatnya ‘bandaraya mega’ dengan pelbagai bentuk masalah.

Bincangkan pernyataan di atas dalam konteks urbanisasi dan kesannya ke atas sistem petempatan di rantau Asia antara tahun 1980 hingga tahun 2000.

[25 markah]

2. (i) Jelaskan maksud bandaraya global.

[5 markah]

- (ii) Dengan merujuk kepada bandaraya tertentu,uraikan proses-proses yang berperanan yang telah menjadikan bandaraya ini bertaraf global.

[20 markah]

...2/

3. (i) Dengan merujuk kepada sebuah bandaraya di Asia, jelaskan kesan krisis mata wang semasa kepada sektor harta tanah bandar berkaitan.

[15 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, mengapa dalam konteks krisis mata wang semasa sektor harta tanah menjadi sasaran dasar kerajaan untuk menangani masalah yang sedang dialami.

[10 markah]

4. **SAMADA**

- [a] Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai,uraikan bagaimana proses perancangan strategik boleh diaplikasi untuk merealisasikan visi bandar.

[25 markah]

**ATAU**

- (b) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu,uraikan kelemahan pendekatan perancangan Pelan Induk sebagai asas perancangan ketika bandar mengalami proses globalisasi yang hebat.

[25 markah]

**BAHAGIAN B**

5. Masalah kesesakan lalu-lintas dalam bandar amat sukar untuk diatasi. Usaha seharusnya ditumpukan kepada meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam di bandar.

Dengan merujuk kepada sebuah bandaraya di rantau Asia-Pasifik, bincangkan pernyataan di atas dalam konteks urbanisasi dan kesannya ke atas pola ulang-alik penduduk bandar.

[25 markah]

.../3

6. Dengan merujuk kepada sebuah bandaraya di rantau Asia-Pasifik,uraikan peranan teknologi, kerajaan tempatan dan penduduk setempat dalam memupuk ke arah wujudnya bandaraya lestari.

[25 markah]

7. Penduduk bandar terjebak di dalam kancang kemiskinan bandar, tidak berkemampuan untuk menampung kos perumahan dan pengangkutan yang semakin meningkat seterusnya mengheret mereka bergantung kepada pekerjaan tidak-formal atau menagih ehsan bantuan kebijakan kerajaan.

Dengan merujuk kepada bandaraya-bandaraya tertentu, bincangkan pernyataan ini dalam konteks kemiskinan, ketegangan dan kesejahteraan hidup penduduk bandaraya yang pesat berkembang.

[25 markah]

8. Dengan merujuk kepada bandaraya di negara anda, bincangkan perubahan utama yang akan dihasilkan oleh proses urbanisasi menjelang tahun 2020.

[25 markah]

- oooOOOooo -

